



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI**  
**KOD KURSUS : DSM2113**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Berikan maksud organisasi.

(2 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** ciri semulajadi manusia yang akan memberi kesan kepada gelagat atau tingkah laku seseorang individu.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Jelaskan **lima (5)** dimensi personaliti.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Persepsi ialah satu proses mental yang digunakan untuk menumpu atau memberi perhatian kepada petanda dan stimuli yang terpilih. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah persepsi fizikal boleh berlaku dalam diri seseorang individu?

(10 markah)

**SOALAN 4**

a. Jelaskan **dua (2)** jenis pasukan kerja.

(4 markah)

b. Pada pendapat anda, apakah **tiga (3)** ciri utama pasukan kerja yang diperlukan dalam sesebuah organisasi?

(6 markah)

**SOALAN 5**

Ariffin merupakan seorang Pengurus Operasi di Syarikat J&Y Sdn Bhd. Beliau tidak berpuas hati dengan hasil kerja Johan sepanjang tahun 2019. Ariffin mempersilakan Johan ke pejabatnya dan mengkritik hasil kerja Johan dengan menggunakan nada yang kasar. Ariffin memberikan arahan dan peringatan kepada Johan supaya berusaha untuk meningkatkan prestasi beliau pada tahun ini. Sekiranya beliau gagal, organisasi akan mengeluarkan surat amaran kepadanya.

- a. Berdasarkan situasi di atas, jelaskan arah komunikasi yang berlaku antara Johan dan Ariffin.

(4 markah)

- b. Pada pendapat anda, apakah kepentingan komunikasi yang berkesan dalam sesebuah organisasi?

(6 markah)

**SOALAN 6**

- a. Jelaskan **dua (2)** sumber tekanan yang dipengaruhi oleh faktor individu.

(4 markah)

- b. Encik Azhar Sulaiman merupakan seorang Pengurus di Terus Maju Holding. Beliau mendapati prestasi pekerja di syarikatnya semakin merundum akibat tekanan yang berlaku di tempat kerja. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, apakah strategi yang boleh diaplikasikan kepada pekerja di Syarikat Terus Maju Holding untuk mengawal tekanan?

(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Dalam era globalisasi yang kian mencabar kini, terdapat pelbagai cabaran dan perubahan cara hidup disebabkan oleh kesan ledakan teknologi. Perubahan cara hidup yang berunsur tradisional bertukar kepada kebergantungan terhadap sumber teknologi.

Hal ini menyebabkan kebanyakan individu khususnya golongan ibu bapa bersaing antara satu sama lain untuk memajukan diri dan meningkatkan taraf hidup, Golongan ini bekerja keras untuk memberikan anak-anak mereka sebuah kehidupan yang mewah tanpa menghiraukan keperluan sebenar anak mereka.

Dengan bantuan gambar rajah, tunjukkan **lima (5)** keperluan dalam teori Hierarki Maslow.

(20 markah)

**SOALAN 2**

Amida adalah seorang Pengurus Penjualan Korporat yang sangat bercita-cita tinggi dan rajin. Objektif utama Amida adalah untuk meningkatkan produktiviti pasukannya. Untuk merealisasikan objektif ini, fokus utamanya adalah merombak gaya atau teknik membuat keputusan dalam pasukannya. Perkara pertama yang diperkenalkan oleh Amida kepada pasukannya yang terdiri daripada 15 orang adalah menyediakan carta yang menunjukkan semua keputusan yang akan dibuat dan semua pendekatan yang akan digunakan untuk masalah yang berbeza. Tujuannya adalah untuk membolehkan pasukannya melihat dengan jelas siapa yang perlu membuat keputusan terhadap sesuatu masalah sama ada secara individu atau berkumpulan.

Pendekatan Amida diterapkan pada setiap kali pertikaian berlaku tetapi ia tidak membuahkan hasil dan masalah tidak dapat diselesaikan dengan berkesan. Ahli pasukannya menganggap pendekatan itu tidak berkesan kerana mereka merasakan hanya Amida yang membuat semua keputusan dan mereka tidak berfungsi sebagai satu pasukan. Akibatnya, masalah mula timbul dalam pasukan apabila ahli pasukan mula membenci gaya autoriti Amida.

i. Pada pendapat anda, mengapakah pendekatan yang digunakan oleh Amida terhadap pasukannya gagal?

(4 markah)

ii. Sebagai seorang ketua, cadangkan teknik yang berkesan dalam pembuatan keputusan secara berkumpulan.

(16 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**